



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN MERAIKAN MALAM SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**LABUAN, 6 Februari 2016** – YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menghadiri Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 di Dataran Labuan bersama-sama dengan warga Labuan pada malam ini. Beliau sebelum itu telah menghadiri Majlis Perasmian UTC Labuan serta Kenduri 1Wilayah Persekutuan di Pasar Sentral Labuan.

2. Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 merupakan salah satu program yang dirancang sepanjang bulan Februari sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016. Pada tahun ini, program dan aktiviti sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bersama rakyat telah dimulakan dengan program Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan & KL Car Free Morning pada 17 Januari 2016 yang lalu di Dataran DBKL. Ini diikuti Kempen Kibar Bendera Peringkat WP Labuan dan WP Putrajaya, masing-masing pada tarikh yang sama. Manakala Khutbah Jumaat Khas sempena SHWP 2016 telah diadakan pada 29 Januari 2016 di semua masjid & surau di WP Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan. Pada 1 dan 3 Februari yang lepas telah berlangsungnya Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang sempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Balairong Seri Istana Negara, Kuala Lumpur.

3. Keseluruhan perancangan program SHWP 2016 adalah sebanyak 30 program/aktiviti pada tahun ini yang diselaraskan dengan kerjasama Agensi dan NGO's serta warga WP. Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan akan diadakan di semua 13 Parlimen seluruh WP dengan dimulakan di WP Labuan pada 6 Februari 2016. Warga WP adalah dialu-alukan untuk menyertai program-program SHWP 2016 seperti Treasure Hunt Wilayah Persekutuan, Majlis Khatam Al-Quran Wilayah

Persekutuan, Pertandingan Melukis & Mewarna Wilayah Persekutuan, Festival Makanan Warisan 1Malaysia, Majlis Rumah Terbuka Chinese New Year Peringkat Wilayah Persekutuan, Program Ilmiah Bersama Datuk Ustaz Kazim Elias, Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan dan banyak lagi.

4. Semua program ini diatur bagi menggalakkan komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk sama-sama merasai kemeriahan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Ia bagi menggalakkan serta memupuk semangat perpaduan yang jitu di kalangan warga Wilayah Persekutuan seterusnya mewujudkan semangat "Kekitaan", "Kebersamaan", dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang kita cintai ini dan juga selaras dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini iaitu 'Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera'.

5. Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 adalah diharapkan agar warga Wilayah Persekutuan, sama ada di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta seluruh rakyat Malaysia dijemput untuk sama-sama menyertai dan memeriahkan aktiviti dan program yang telah dirancang sepanjang bulan Februari 2016. Kerjasama dan kolaborasi semua pihak adalah amat diperlukan dalam menjayakan program SHWP 2016 agar mencapai objektif yang disasarkan bagi menceriakan warga Wilayah Persekutuan.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Labuan**

**6 Februari 2016**